



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

Soalan Lazim Mengenai Langkah Interim Bagi Penetapan Semula Harga Produk Perubatan

1. Mengapakah Bank Negara Malaysia ("BNM") memperkenalkan langkah interim untuk penetapan semula harga produk perubatan?

Langkah interim yang diperkenalkan oleh BNM adalah untuk membantu menguruskan pelarasan premium bagi pemegang polisi sedia ada yang terkesan disebabkan oleh penetapan semula harga premium. Ini merupakan langkah sementara sahaja sementara BNM akan mempercepatkan reformasi ini bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang untuk keluar dari langkah interim ini pada tahun-tahun yang akan datang.

2. Apakah langkah interim yang diumumkan oleh BNM?

(i) Mengagihkan (*spread out*) kuantum penetapan semula harga

Sumbangan premium dengan cara berikut:

- Mengagihkan perubahan premium disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan untuk tempoh minimum tiga (3) tahun sekiranya kuantum penetapan semula harga adalah 20%; dan
- Mengagihkan perubahan premium disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan untuk tempoh minimum lima (5) tahun sekiranya kuantum penetapan semula harga adalah lebih daripada 20%.

(ii) Proviso istimewa bagi individu yang berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas yang dilindungi di bawah pelan yang paling rendah

Penangguhan pelarasan premium selama satu tahun bagi mereka yang berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas, yang dilindungi di bawah pelan yang paling rendah. Penangguhan sementara ini akan bermula selama satu tahun dari ulang tahun polisi mereka.

Langkah interim (i) dan (ii) tidak akan terpakai untuk kenaikan premium yang mungkin dikenakan apabila pemegang polisi berpindah ke kumpulan umur yang lebih tinggi. Kenaikan premium disebabkan oleh perubahan dalam kumpulan umur berlaku apabila pemegang polisi berpindah ke kumpulan umur yang lebih tinggi di bawah polisi tersebut. Oleh itu, premium yang lebih tinggi perlu dibayar, selaras dengan terma polisi seperti yang dipersetujui semasa penjualan.

(iii) Pilihan untuk mengaktifkan polisi yang telah loput

Pemegang polisi yang mempunyai polisi yang telah loput disebabkan oleh penetapan semula premium pada tahun 2024 boleh memohon agar polisi mereka untuk diaktifkan semula tanpa keperluan pengunderaitan (*underwriting*) tambahan.

(iv) Talian khas

Talian bantuan khas akan disediakan di setiap pengendali insurans untuk memberikan panduan, menjawab pertanyaan, dan membincangkan penyelesaian lain yang bersesuaian dengan keperluan pemegang polisi.

Untuk keterangan lanjut mengenai langkah interim, anda boleh rujuk kepada yang berikut:

1. [Kenyataan](#) oleh Bank Negara Malaysia



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

2. [Soalan Lazim \(FAQ\)](#) oleh Bank Negara Malaysia
3. [Kenyataan](#) oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA), dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)
4. [Soalan Lazim \(FAQ\)](#) oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA), dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)

3. Apakah pelan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad's ("AGIC") dalam melaksanakan langkah interim?

Pemegang polisi Allianz MediCure ("AMC") akan menerima surat pemberitahuan berserta butiran yang mematuhi langkah interim sebelum tarikh berkuat kuasa pelarasan premium untuk polisi AMC.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda sebelum ini telah menerima surat pemberitahuan penetapan semula harga premium daripada kami, kami akan menghantar surat lain untuk menguruskan perubahan yang disebabkan oleh langkah interim. Premium yang akan dikenakan bagi polisi anda pada ulang tahun polisi pada 1 Januari 2025 akan berdasarkan penetapan semula harga premium mengikut langkah interim dan ini akan diterangkan di dalam surat pemberitahuan yang akan dihantar kepada anda.

Sekiranya anda adalah:

- Berumur enam puluh (60) tahun (dan ke atas) pada ulang tahun polisi apabila penetapan semula premium berkuat kuasa; dan
- Dilindungi di bawah pilihan pelan terendah; anda layak untuk penangguhan penyemakan semula harga premium selama setahun.

Sila ambil perhatian bahawa pilihan pelan minimum merujuk kepada pelan terendah yang boleh dipohon di mana anda tidak lagi boleh memilih untuk menurunkan pelan di bawah pelan perubatan yang sama dalam polisi anda (iaitu, Pelan AMC 1) dan langkah interim tidak terpakai kepada kenaikan premium yang mungkin dikenakan apabila pemegang polisi berpindah ke kumpulan umur yang lebih tinggi.

4. Sekiranya polisi AMC saya telah luput disebabkan oleh penetapan semula harga premium pada Julai 2024, adakah saya boleh mengaktifkan semula polisi saya?

Anda boleh memohon untuk mengaktifkan semula polisi tanpa pengunderaitan (*underwriting*) tambahan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat terpakai. Polisi ini akan diaktifkan berdasarkan langkah interim. Permohonan untuk pengaktifan semula ini hanya akan tersedia dari 15 Januari 2025 sehingga 30 Jun 2025. Anda boleh menghubungi kami untuk maklumat lanjut.

5. Saya telah diberikan penangguhan selama satu (1) tahun dalam pelarasan premium, apa yang akan berlaku kepada polisi/premium yang perlu dibayar pada tahun berikutnya selepas penangguhan?

Anda akan dimaklumkan mengenai pelarasan premium untuk tahun seterusnya sebelum ulang tahun polisi apabila premium yang diselaraskan akan berkuat kuasa. Penyemakan semula premium akan berdasarkan kadar yang terpakai mengikut langkah-langkah interim.

6. Saya tidak mempunyai polisi perubatan pada masa ini. Bolehkah saya membeli AMC dengan penetapan semula premium yang diagihkan (*spread out*)?



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

Langkah-langkah interim hanya terpakai kepada pemegang polisi sedia ada yang terkesan disebabkan oleh penetapan semula premium pada tahun 2024, 2025, dan 2026.

7. Bagaimana jika saya telah menerima surat pemberitahuan penetapan semula premium AMC sebelum pengumuman langkah-langkah interim:

(a) tetapi belum membayar/memperbaharui polisi saya?

Anda dinasihatkan untuk segera memperbaharui polisi anda dan membayar premium yang ditetap semula untuk memastikan perlindungan berterusan. Jika tidak, polisi anda mungkin akan tamat dan anda tidak lagi dilindungi apabila diperlukan.

(b) dan telah membayar premium baharu serta memperbaharui polisi saya?

Kami mengesyorkan agar anda terus membayar premium yang diselaraskan untuk memastikan perlindungan yang berterusan.

Kami telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengendali pemegang polisi yang terkesan disebabkan oleh langkah-langkah interim:

(i) Pembaharuan polisi yang dikeluarkan antara 1 Januari 2025 hingga 28 Februari 2025

Kami akan mengeluarkan *endorsement* untuk melaksanakan kadar yang terpakai mengikut langkah-langkah interim dan memberikan bayaran balik (jika ada) kepada pemegang polisi yang terlibat.

(ii) Pembaharuan polisi yang dikeluarkan bermula 1 Mac 2025

Polisi akan dikeluarkan berdasarkan kadar yang terpakai mengikut Langkah-langkah interim.

Anda boleh menghubungi kami atau ejen perkhidmatan anda mulai 15 Januari 2025 untuk maklumat lanjut atau nasihat.

8. Apakah alternatif yang tersedia jika saya tidak dapat membayar premium untuk polisi AMC saya, walaupun terdapat kenaikan premium secara berperingkat?

Jika anda masih menghadapi kesukaran untuk membayar premium yang ditetap semula, anda boleh menghubungi Pakar Perkhidmatan Pelanggan kami melalui e-mel di customer.service@allianz.com.my, atau talian khas Allianz Medical Repricing di 1 300-88-5542, Isnin hingga Jumaat dari jam 9:00 pagi hingga 6:00 petang (kecuali cuti umum), ejen Allianz anda atau kunjungi pejabat cawangan terdekat untuk berbincang dan menerokai pilihan alternatif, seperti menukar kepada pelan yang lebih rendah, memilih pelan tunai atau memilih pilihan deduktibel.

9. Adakah mana-mana perlindungan polisi saya akan terjejas?

Kami memberi jaminan bahawa tiada perubahan akan berlaku kepada perlindungan di bawah polisi anda (contohnya had tahunan, bilik dan penginapan, dan sebagainya) seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi anda walaupun langkah-langkah interim berkuat kuasa.

10. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk perkara berkaitan dengan langkah-langkah interim?

Mulai 15 Januari 2025, anda boleh menghubungi Pakar Perkhidmatan Pelanggan kami melalui e-mel di customer.service@allianz.com.my atau talian khas Allianz Medical Repricing di 1300-88-5542 dari Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 6.00 petang (kecuali cuti umum). Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi ejen Allianz untuk bantuan lanjut.